

wang hasilnya adalah dikumpul dan dikawal oleh sesuatu lembaga – tidak terhimpun di dalam perbendaharaan kerajaan – yang mencampurkan ke dalam semua hasil-mahsulnya.

Apakah akan ada lagi dalihan dalam perkara ini?!

Untuk kebersihan Islam, maka kita berharap sangat supaya Tuan Mufti menarik fatwanya itu supaya terselamat umat daripada membuat sesuatu yang keadaannya terang seperti siang bahawa disepakati tentang haramnya hasil loteri. Janganlah kita kelak ditanya tentang persoalan mendirikan *baitullah* daripada wang yang haram itu adanya.

* * *

Sandiwara Agama di Radio Singapura

Radio Singapura didalam masa-masa yang akhir ini telah mengadakan dua sandiwara radio, yang bolehlah dipandang tidak menyenangkan hati umat Islam dan menimbulkan ajaran-ajaran yang membimbing umat kepada suatu cara hidup yang bertentangan dengan ajaran agama dan masyarakat orang-orang timur.

Di dalam cerita yang pertama yang dikarang dan disusun oleh A. Zain Mahmudi di bawah suatu cerita kebangsaan kerana menyambut setahun berkerajaan sendiri di Singapura telah membawa suatu riwayat bagaimana seorang pemuda guru agama yang telah mendapat kelulusan agama di Azhar telah berkahwin dengan perempuan Tionghua dengan bercinta-cinta dan kemudian menerbitkan perselisihan dengan ayahnya (ayah guru agama) dan daripada itu lalu kerana penderitaan berazam membunuh dirinya. Azamnya itu dijalankan dengan memakan ubat tidur sebanyak-banyaknya. Setelah memakan ubat tidur itu maka yakinlah mereka (suami dan isteri) itu bahawa mereka sedang menunggu saat maut mau tiba. Tidak di situ sahaja bahkan ia berazam, jika tidak mati kerana itu, ia akan menikam isterinya dan dirinya supaya mati bersama-sama.

Cerita ini, jika dipandang sepintas lalu, hanya suatu rekaan jua tetapi sebenarnya cerita ini bolehlah menerbitkan suatu kehinaan kepada pelajar-pelajar agama Islam

kerana seolah-olahnya pelajar-pelajar agama Islam itu adalah jahil tentang hukum Tuhan dan tipis benar pengetahuannya tentang bertuhan. Orang-orang Islam amnya, apalagi alim ulamanya bahkan penuntut-penuntut Azhar seperti yang dijadikan pelaku itu cukup mengetahui bahawa ertinya hidup di dalam dunia ini adalah di dalam suatu perjalanan yang penuh dengan percubaan hidup. Sebab itulah bagi umat Islam yang beriman kepada Allah dan kitab-kitab-Nya, mereka tidak pernah berputus asa di dalam hidupnya, mereka sentiasa menyerahkan dirinya kepada kekuasaan Tuhan, mereka memandang bahawa segala penderitaan, walau bagaimana besarnya sekalipun, adalah suatu percubaan untuk mengukur sepanjang mana kekuatan imannya dan apabila ia membunuh diri dengan berputus asa itu maka adalah matinya, mati fasik. Sebab itulah hampir-hampir kita tidak mendengar ada orang-orang yang berpengetahuan agama (*'alim*) yang pernah membunuh diri.

Dengan kerana yang digambarkan oleh pengarangnya di dalam cerita ini yang mengambil peranan seorang yang telah mengaji ke al-Azhar di Mesir, ertinya dengan sendirinya orang yang telah banyak berpengetahuan di dalam hukum agama Islam maka perbuatannya telah memakan "racun" untuk membunuh dirinya dan berkeyakinan ia akan mati dengan jalan itu maka keadaan seperti ini bukannya sahaja menjadi penghinaan kepada pelajar-pelajar Islam tetapi juga kepada seluruh umat Islam kerana cerita itu tidak hanya didengar oleh orang awam yang kelak akan memandang bahawa Islam meluluskan berputus harap (membolehkan membunuh diri) bahkan kelak akan bertambah-tambah lagi kerana di dalam sandiwara radio itu ditunjukkan bagaimana keluar kata-kata biadab daripada seorang anak kepada seorang ayah, iaitu suatu perkara yang melanggar kesopanan orang-orang Timur sekurang-kurangnya apalagi jika dibandingkan dengan ajaran Islam.

* * *

Di dalam cerita **yang kedua** suatu cerita yang diberi tajuk **Ketuhanan**, dikarang oleh Rahman B. dan diterbitkan oleh A. Zain Mahmud juga adalah membawa suatu cerita

yang lebih mengada-adakan barang yang tiada di dalam ajaran Islam bahkan bolehlah diisifatkan seakan-akan sengaja memburukkan Islam, kerana di dalamnya mengada-adakan barang yang tiada.

Di dalam cerita itu diriwayatkan perselisihan di antara seorang ayah mertua dan menantu. Menantunya konon mempunyai seorang sahabat bangsa Yahudi. Ayah mertuanya menasihatkan supaya ia jangan bersahabat dengan orang Yahudi itu dan jangan mendekati mereka sambil memberi kenyataan bahawa orang Yahudi itu adalah Tuhan telah menentukan bahawa mereka tidak bernegara, sambil memberi keterangan kononnya daripada ayat Qur'an.

Mendengar itu, menantunya, mendustakan kenyataan Qur'an itu sambil katanya Qur'an itu bohong, tidak logik kerana berlawanan dengan kenyataan iaitu Israel sekarang telah pun ada mempunyai negara sendiri. Qur'an itu bohong, kata cerita itu, dan tidak boleh dipakai kerana bertentangan dengan kenyataan.

Pertengkaran terjadi diantara keduanya sehingga ayah mertuanya menghalau menantunya yang telah murtad itu. Dengan kerana itu si menantu tadi keluar rumah dan tinggal bersendirian. Apabila hal ini diketahui oleh abang menantu tadi maka ia pun mendapatkan adiknya lalu menasihati, di antaranya menyatakan bahawa keduanya salah faham sebab katanya, Qur'an sendiri pula menyatakan bahawa Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri mengubah nasibnya, sedang ia membenarkan pula pendapat adiknya bahawa benar Tuhan telah berfirman: Yahudi tidak akan bernegara tetapi kerana kesungguhannya berikhtiar (mengubah nasibnya) maka sebab itulah kaum Yahudi bernegara.

Dengan adanya orang tengah itu maka pada suatu hari raya mereka pun bermaaf-maafan sedang tidak ada sesuatu kesimpulan diambil bahawa orang yang telah menista al-Qur'an itu bertaubat iaitu perkara-perkataan yang wajib dibuat oleh seorang yang telah mendustakan al-Qur'an, kerana hukum orang yang mendustakan al-Qur'an itu terang jadi murtad.

Di dalam cerita itu boleh diambil beberapa kesimpulan yang sekurang-kurangnya menyakiti orang-orang Islam, kalau pun tidak dapat dikatakan telah menghina al-Qur'an dan Islam:

1. Tidak ada disebut didalam al-Qur'an bahawa orang Yahudi itu tidak akan bernegara. Tuhan hanya menghinakan orang-orang Yahudi.
2. Di dalam cerita ini menunjukkan bahawa seolah-olah orang Islam tidak boleh bergaul dengan orang-orang Yahudi. Disana ditunjukkan bahawa orang-orang Islam itu fanatik benar terhadap orang Yahudi sehingga berteman pun tak boleh padahal dari dahulu hingga sekarang orang-orang Islam adalah sentiasa bergaul, berniaga dan seumpamanya dengan orang-orang Yahudi. Lihat pada zaman Nabi dan khalifah-khalifahnyanya bahkan sehingga ke Sufian orang-orang Yahudi berasa lebih aman, lebih bebas daripada terletak dibawah pemerintahan yang bukan Islam.
3. Cara-cara adab hidup sebagai seorang Islam tidak ada langsung! Kata-kata biadab di antara satu dengan lain berleluasa. Ini bukannya sahaja melanggar cara adab orang-orang Timur bahkan melanggar sama sekali kepada adab orang-orang Islam. Bolehlah dikatakan bahawa cara susunan kata-katanya biadab! Adakah ini menunjukkan senam yang dibungkus dengan sepuh? Adakah ini tidak akan menjadi contoh kepada anak-anak kita cara hidup biadab?
4. Perkataan menempelak ayah mertua yang telah diberinya perbelanjaan berubat dengan katanya: Mengapa tidak minta ubat kepada Tuhan, kalau percaya Tuhan itu menolong – tidak sekali-kali patut diperdengarkan di dalam radio kerana radio itu bukannya hanya didengar oleh orang tua, tetapi banyak didengar oleh anak-anak yang belum mengerti hujung pangkal kehidupan. Ada banyak lagi perkara-perkaranya jika hendak dikupas

satu persatu yang seyogianya tidak akan dikeluarkan sebagai suatu siaran am di dalam radio.

Atas siaran ini umat Islam telah marah. Mereka memandang bahawa Radio Singapura telah menghinakan Islam. Majlis Islam Penasihat Kerajaan, PERGAS¹ dan Jamiyah telah menghantarkan bantahan-bantahan yang keras. Daripada ini zahir bahawa perbuatan Radio Singapura telah pun menyakiti umat Islam. Dengan ini pula zahir bahawa sebahagian daripada bahagian kerajaan telah membuat punca yang menaikkan kemarahan umat Islam yang telah dihina itu. Kita tidak mau menuduh adakah sandiwara radio itu digunakan sebagai bahan subversif untuk menimbulkan benih huru-hara, benih untuk merosakkan keamanan dan kesejahteraan di Singapura ini. Kita hanya suka mengingatkan bahawa perkara-perkara penghinaan kepada sesuatu agama terutama agama Islam, tidak akan diterima oleh orang-orang Islam. Pihak-pihak ini mesti menyedari bahawa kerana kemuliaan agama masih ada orang-orang yang bersedia menyerahkan diri dan nyawanya untuk mempertahankan kemuliaan agamanya. Hal ini tidak payah dibuktikan.

Dengan perbuatan pihak-pihak radio mengapi-apikan umat Islam, maka adalah ditakuti kalau-kalau perkara itu merebak dan boleh merosakkan keamanan. Kalau terjadi dahulu maka janganlah kelak umat Islam disalahkan tetapi carilah puncanya – dari mana asalnya.

Sebab itu kita berharap kerajaan memerhatikan dengan saksama kejadian-kejadian ini dan memerhati dengan bersungguh-sungguh barangkali ada anasir-anasir yang berkerja dengan diam-diam untuk mengeruhkan suasana yang baik di negeri ini dan untuk mengeruhkan perhubungan di antara umat Islam dengan pihak kerajaan.

Sebaliknya kita suka mengingatkan pihak radio supaya meletakkan dasarnya di atas suatu dasar bahawa

ia tidak digunakan untuk menyakiti sesuatu pihak atau sesuatu golongan; dan pihak radio mestilah mengekalkan dasarnya tidak membangkitkan sesuatu perkara yang boleh menimbulkan pertelingkahan di antara sesuatu golongan dengan sesuatu golongan lain. Kerana itu tidak semua karangan yang dihantarkan untuk disiarkan itu dengan semau-maunya sahaja – ia hendaklah ditapis.

Pada masa bahagian Melayu (agama) di bawah perhatian almarhum Pakcik Othman Kalam, maka dasar ini dijalankan beliau, baik mengenai syarahan-syarahan agama, apalagi di dalam perkara-perkara yang bercorak cerita-cerita yang menyentuh agama. Kerana itu dalam masa itu tidak pernah orang ramai mendatangkan teguran-teguran kepada radio, tidak seperti sekarang.

Kita wajib mengingatkan bahawa pendengar radio itu terutamanya mengenai sandiwaranya, adalah yang banyaknya mendengarnya orang-orang yang masih dikatakan kanak-kanak dan perempuan-perempuan muda. Kerana itu cerita-cerita agama dan cerita-cerita sandiwaranya hendaklah jangan, cerita yang menunjukkan rendah semangat dan kurang keazaman – serta hanya bercinta-cinta sahaja, membunuh diri dan seumpamanya, tetapi cerita-cerita itu semoleknya tunjukkan teladan-teladan yang baik, cara hidup yang baik, perangai yang baik, rumahtangga yang baik, aman dan sentosa. Ini lebih memberi kesan daripada contoh-contoh kehidupan yang buruk digambarkan di sana.

Kita berharap, Radio Singapura, memikirkan dengan halus perkara ini. Janganlah segan mengakui kesalahan, kerana dengan itu kelak mendapat kebaikan. Jangan menepuk dada, boleh mempertahankan perdirian padahal perkaranya tidak dapat dipertahankan. Kita manusia tentu mengetahui bahawa kita tidak sunyi daripada salah, kerana itu janganlah segan mengakui kesalahan dan mengucapkan dukacita atas tiap-tiap kesalahan yang kita buat sama ada bersengaja atau tidak.

¹ Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (PERGAS)